

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

TARIKH : 3.11.2014

SOALAN :

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah kutipan yuran/bayaran perkhidmatan yang dikenakan ke atas peminjam PTPTN setiap tahun bagi tahun 2010, 2011, 2012 dan 2013 serta bagaimana yuran/bayaran perkhidmatan ini digunakan untuk menampung kos operasi PTPTN.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pecahan jumlah kutipan kos pentadbiran/Ujrah daripada pembiayaan pendidikan dan kos operasi/mengurus PTPTN mengikut tahun pada tahun 2010 hingga 2013 seperti berikut:

- i. Tahun 2010, kutipan kos pentadbiran/Ujrah berjumlah RM225 juta manakala jumlah kos operasi dan mengurus sebanyak RM60.6 juta;
- ii. Tahun 2011, kutipan kos pentadbiran/Ujrah berjumlah RM143.6 juta manakala jumlah kos operasi dan mengurus sebanyak RM94.9 juta;

- iii. Tahun 2012, kutipan kos pentadbiran/Ujrah berjumlah RM204.3 juta manakala jumlah kos operasi dan mengurus sebanyak RM103.4 juta; dan
- iv. Tahun 2013, kutipan kos pentadbiran/Ujrah berjumlah RM330.8 juta manakala jumlah kos operasi dan mengurus sebanyak RM147.6 juta;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kos pentadbiran yang diturunkan daripada 3 peratus kepada 1 peratus setahun mulai 1 Jun 2008 adalah selaras dengan pengiktirafan Majlis Fatwa bahawa pembiayaan pendidikan PTPTN adalah skim pembiayaan patuh syariah menggunakan kaedah Ujrah atau Upah 1 peratus. Pengenaan Ujrah 1 peratus amat minima dan kos tersebut digunakan untuk meningkatkan sistem perkhidmatan kepada pelanggan yang menjadi fokus utama PTPTN seperti penubuhan 25 pejabat PTPTN negeri serta cawangan, pembangunan dan peningkatan infrastruktur teknologi maklumat serta lain-lain perbelanjaan yang dianggarkan sebanyak RM150 juta hingga RM200 juta setahun.